

03/09/2002

Kemudahan asas Pulau Tioman dipertingkat

Rosniza Mohd Taha

KUALA LUMPUR, Isnin - Kerajaan akan meningkatkan kemudahan asas dan infrastruktur di Pulau Tioman, yang dijangka menerima kemasukan lebih ramai pelancong selaras pemberian status bebas cukai di pulau peranginan itu mulai semalam.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir, berkata projek itu termasuk pembinaan jalan raya menghubungkan pantai barat dan pantai timur, laluan pejalan kaki, baik pulih jeti, pembersihan sungai dan penempatan semula penduduk di atas tanah rizab kerajaan.

Beliau berkata, kempen promosi pelancongan Pulau Tioman sebagai pulau bebas cukai pula akan dilaksanakan sebaik saja projek peningkatan kemudahan asas dan infrastruktur itu selesai.

"Projek peningkatan infrastruktur ini akan dijalankan secepat mungkin berdasarkan arahan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang melawat pulau itu dua minggu lalu.

"Kementerian dan jabatan berkaitan terutama Jabatan Kerja Raya akan berunding dengan Lembaga Pembangunan Pulau Tioman (TDA) untuk memperincikan projek ini dan memastikan pembangunannya tidak menjejaskan keindahan semula jadi pulau berkenaan.

"Apabila kemudahan asas sudah lengkap, baru kita boleh tambah bilik hotel dan mengadakan promosi pulau bebas cukai ini secara teratur," katanya pada sidang akhbar di kementerianya, hari ini.

Beliau mengulas usaha Kementerian mempromosi Pulau Tioman sebagai pulau bebas cukai. Tioman dengan keluasan 13,360 hektar, diumumkan sebagai pulau bebas cukai oleh Dr Mahathir pada Januari lalu.

Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Chan Kong Choy sebelum ini berkata status bebas cukai akan menjadikan Pulau Tioman lebih menarik kepada pelancong dan memberi faedah kepada penduduk tempatan.

Kadar kemasukan pelancong ke pulau itu meningkat dari 185,000 pada 1999 kepada 200,000 pada 2000 dan 243,000 tahun lalu.

Dalam perkembangan lain, Abdul Kadir menyokong penuh langkah Lembaga Pelesenan dan Kenderaan Perdagangan (LPKP) mensyaratkan pemandu teksi mengikuti kursus khas bagi meningkatkan mutu perkhidmatan termasuk kemahiran berkomunikasi dengan penumpang, khususnya di kalangan pelancong asing.

"Pemandu teksi sebagai duta kecil yang juga orang pertama berurusan dengan pelancong, perlu mempunyai pengetahuan asas mengenai negara, berpakaian kemas dan menghormati pelanggan," katanya.

Beliau turut menjelaskan berhubung cadangan kontroversinya, iaitu pemandu teksi yang menipu pelancong harus ditembak.

"Bila saya cakap dalam nada itu, maknanya harus ambil tindakan berat terhadap pemandu teksi yang bersalah, bukan tembak orang yang menipu, itu memang tidak masuk akal.

"Tidak semua bersikap begitu, tetapi sebilangan kecil ini mencemarkan imej pemandu teksi," katanya.

Terdahulu, beliau menyempurnakan upacara penyerahan sumbangan berjumlah RM132,205 kepada beberapa badan kebajikan dan individu yang kurang bernasib baik.

Sumbangan itu hasil kutipan program Pertandingan Golf Klasik Merdeka untuk kebajikan pada 24 Ogos lalu, anjuran sebuah jawatankuasa yang diketuai Pengurus Besar Cynnyx Sdn Bhd, Frankie Tan.

